

14/05/1998

Pak Ali cipta konkrit ringan

Ridzuan Yop

USIA tidak pernah menghalang Ali Omar untuk mencipta teknologi terbaru dalam menghasilkan konkrit ringan yang mempunyai keupayaan serta kemampuan luar biasa bagi membina bangunan.

Kepingan panel konkrit yang dipanggil 'Areated Concrete' itu lebih ringan berbanding bahan binaan seumpamanya dan mempunyai kelebihan yang tidak terdapat pada konkrit biasa, termasuk boleh timbul di dalam air dan tahan kepanasan pada suhu tertinggi.

"Jika memandangkan kehidupan dan pelajaran saya sahaja tentulah tidak mempunyai kemampuan untuk mencipta konkrit jenis berkenaan sebagai bahan gantian kepada batu-bata untuk membina bangunan," kata Ali, 53.

Beliau lebih dikenali dengan nama Pak Ali, berkata masih mengingati kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa sebelum ini orang Melayu tidaklah pandai membuat jarum apatah lagi kereta.

"Tapi sekarang semuanya berubah, kita boleh mencipta dan lakukan pelbagai perkara setanding orang lain jika ada kemahuan dan galakan," katanya.

Hasil ciptaannya itu diakui oleh Institut Penyelidikan Piawai dan Standard Malaysia (Sirim) dan setakat ini adalah yang pertama pernah dicipta di negara ini menggunakan bahan tertentu dengan keupayaan mengagumkan.

Malah konkrit ciptaannya itu pernah diuji oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada Mac 1996 dan lulus ujian tahap kepanasan yang diperlukan.

Konkrit itu ketika diuji pembakaran api di FRIM dengan tahap kepanasan mencecah 1200 darjah celcius tidak langsung mempengaruhi suhu di bahagian dalamnya cuma mencapai sekitar 49 darjah celcius sahaja.

Pak Ali berkata, kajian itu mengambil masa kira-kira lima tahun untuk menghasilkan kepingan panel sebaik sekarang. Kepingan panel berkenaan bersaiz 0.6 meter x tiga 3 meter, berbanding saiz batu bata 10.2 x 23 sentimeter.

Negeri yang mempunyai kawasan tanah lembab yang menggunakan kaedah menanam cerucuk yang sangat dalam memerlukan kos yang tinggi.

Bagaimanapun, dengan menggunakan bahan ini, kerajaan negeri dapat menggunakan kawasan berkenaan dengan lebih cekap kerana konkrit jenis itu tidak menanggung beban yang berat.

"Begitu juga peruntukan perumahan negeri akan bertambah, jika 50 unit rumah dibina dengan batu-bata biasa ia akan bertambah antara 55 dan 60 unit rumah dengan menggunakan konkrit itu," katanya.

Beliau berkata, selain itu, jika menggunakan bahan berkenaan, untuk perumahan kos rendah, kerajaan dapat mengawal harga rumah kerana bahan itu dicipta khusus untuk menangani masalah tenaga mahir dan dapat mengurangkan kemasukan tenaga kerja asing.

Bahan itu dapat menyiapkan rumah dengan lebih cepat daripada yang dijangkakan. Dengan menggunakan bahan itu, tidak lagi timbul masalah tenaga mahir dan kualiti kerja.

"Selain itu, orang ramai dapat memiliki rumah yang berkualiti dan lebih selesa kerana konkrit ini tidak menyerap panas ke dalam rumah," katanya.

"Jika berlaku kebakaran terhadap rumah yang menggunakan konkrit ini, sangat mudah untuk menyelamatkan mangsa dalam kebakaran dengan memotong saja dinding konkrit itu dan bomba dapat menjalankan tugas menyelamatkan dengan lebih pantas," katanya.

Bagaimanapun, setakat ini tidak ada pihak yang benar-benar berminat dan bersedia untuk mengeluarkan modal bagi mengeluarkannya secara besar-besaran.

"Saya bersedia memindahkan teknologi yang ada kepada pihak berminat bagi memastikan teknologi berkenaan tidak pupus bersama usia saya," katanya.

Kata semangat itu, membuat saya giat dan tidak putus asa dalam mencipta konkrit ringan berkenaan.

"Saya juga mempunyai impian jika suatu hari nanti hasil kajian dan teknologi saya ini dapat dilancarkan oleh Dr Mahathir atau timbalannya, Anwar sebagai perangsang kepada pencipta lain."

Beliau juga berazam mencipta sejenis jentera yang dapat membersihkan sungai yang tidak dapat mengalir dengan baik dan boleh membersihkan tumpahan minyak di laut dengan kos rendah.

Sesiapa yang berminat mendapatkan teknologi konkrit berkenaan boleh menghubungi Pak Ali, di No 22, Jalan Pantai Jerejak, Sungai Nibong, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang atau telefon 04-6594390.

(END)